

November 7, 2023

FPHP BULLETIN HOT & TOUR

NEWSLETTER VOL. 2/2023

"Together, We Make it Great!"

FPHP 2023 EVENTS & ACTIVITIES

ACADEMIC TRIP TO UNESCO WORLD
HERITAGE SITE IN GEORGETOWN, PENANG

Knowledge Transfer on Food and Beverage
Industry by Mandarin Hotel Doha, Qatar

Kursus Etika di Meja Makan

2023 HIGHLIGHTS

HADRAH 7.0

PERTANDINGAN

'BATTLE OF EMPOWER BARISTA ART'

Afternoon Tea: A Timeless Tradition
(HTP283- Cafe Service Operation)



Faculty of Hotel & Tourism Management

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh, PENANG

Tel: 04 3823888 Fax: 04 3823861

HOT & TOUR NEWSLETTER

NOV. VOL. 2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>

https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm

ISSN 2231-7422

FPHP BULLETIN HOT&TOUR NEWSLETTER

Pg 4

VOL. 2 2023 NOVEMBER ISSUE

HADRAH 7.0

Oleh: Norliana Hashim, Norhamizan Hamir (Dr.) & Mohd Syafiq Othman

Hadiah Ramadan (HADRAH) 7.0 adalah program khidmat masyarakat anjuran Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) yang diadakan saban tahun. Tahun 2023 melengkapkan penganjuran kali ke tujuh program ini yang mensasarkan masjid-masjid di sekitar kampus UiTM Cawangan Pulau Pinang. Masjid Al-Muhajirin Bandar Seberang Jaya telah dipilih untuk menjadi penganjur-bersama sekaligus menjadi lokasi utama program ini dijalankan. Penganjuran kali ini melibatkan skala yang lebih besar dari tahun-tahun sebelumnya menerusi penglibatan syarikat-syarikat, institusi pengajian tinggi, dan agensi kerajaan sebagai rakan strategik serta komuniti setempat.

Program HADRAH 7.0 telah berlangsung pada 15 April 2023 bersamaan dengan 24 Ramadhan 1443 H. Namun demikian perancangan program telah pun disusun bermula dari Oktober 2022. Perancangan yang teliti telah dibuat oleh penganjur bagi memastikan kelancaran sepanjang program berlangsung.



Events Highlights

Beberapa siri aktiviti sebelum dan semasa program telah berlangsung antaranya Canteen Day, gotong royong membersihkan masjid, memasak bubur lambuk dan iftar, penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf serta majlis berbuka puasa. Program pada hari tersebut dimulakan dengan aktiviti memasak bubur lambuk yang bermula seawal jam 7.30 pagi hasil sumbangan komuniti setempat melalui empat Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) iaitu Tenggiri, Siakap, Kampung Taman

Baru dan Jalan Tun Hussien Onn. Sebanyak 4000 sehingga 6000 bungkus bubur lambuk telah diedarkan kepada penduduk sekitar Seberang Jaya.

Rakan strategik dari beberapa syarikat turut menyumbang kepada kejayaan program ini antaranya Baktisan Pertama Sdn Bhd (Adabi), Dandy Modern Food, Atra Padu Sdn Bhd, Infinite Tech Resources, Mohd Anuar & Co, Petronas Dagangan Berhad, dan Syarikat Faiza Sdn Bhd. Majlis penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sambil disaksikan oleh Naib Canselor UiTM, Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang serta Mufti Negeri Pulau Pinang. Program diakhiri dengan majlis berbuka puasa bersama dengan dif-dif jemputan dari pelbagai agensi kerajaan serta rakan strategik.



Faculty of Hotel & Tourism Management
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang
Permatang Pauh Campus
13500 Permatang Pauh
PENANG
Tel:04 3823888/fax:04 3823681

HOT & TOUR NEWSLETTER
NOV. VOL. 2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>
https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm



ISSN 2231-7422

Read More On